

# PAD 355

KEBERKESANAN PERKHIDMATAN DOBI  
DI PUSAT LATIHAN POLIS,  
AYER HITAM (PULAPAH),  
JEMPOL,  
NEGERI SEMBILAN

**Disediakan oleh:**

**ABU BAKAR BIN MANSOR, ITM NO. 95905576**  
**HASHIM BIN MOHAMAD AMIN ITM NO. 960749447**  
**ZAMLI BIN OTHMAN ITM NO. 96075010**  
**MOHD NIZAN BIN ABD. RAHMAN ITM NO. 95903385**

## **UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

1. YDH Supt. Hj. Mohd Noh bin Kandah, Komandan PULAPAH
2. Pensyarah PAD 355 En. Abdul Hameed b. Mohamed Mydin
3. Semua Pegawai Penjaga Asrama Pelatih PULAPAH
4. Ketua Kerani Pentadbiran PULAPAH
5. Individu yang telah memberikan idea dan membantu untuk menyiapkan kertas projek ini.

# KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.	Ucapan Penghargaan	i
2.	Kandungan	ii
3.	Latarbelakang	1
4.	Pendahuluan	2
5.	Tujuan	2
6.	Objektif	2
7.	Andaian	3
8.	Skop Penyelidikan	3
9.	Methodologi	3
10.	Sekatan dan batasan	4
11.	Keperluan perkhidmatan dobi	4
12.	Kewujudan perkhidmatan dobi	5 - 6
13.	Bayaran tetap perkhidmatan dobi	6 - 7
14.	Kelemahan-kelemahan	7 - 10
15.	Cadangan	10 - 12
16.	Rumusan kajiselidik	12 - 13
17.	Penutup	13 - 14
18.	Lampiran -lapmiran 'A - E'	

## 1. LATARBELAKANG.

Pusat Latihan Polis Ayer Hitam, Jempol, N. Sembilan atau nama ringkasnya PULAPAH , mula ditubuhkan pada 1 hb. Januari 1981. Sebelum ditubuhkan ia merupakan Syarikat Gula Negeri Sembilan yang telah diambil oleh Polis DiRaja Malaysia.

PULAPAH terletak didalam Daerah Jempol, Negeri Sembilan . Pekan yang berhampiran ialah pekan Bahau yang jaraknya kira-kira 32 kilometer. Keluasan kawasan PULAPAH dianggarkan 1,000 ekar persegi. PULAPAH berfungsi sebagai sebuah daripada Insitiasi Latihan PDRM, dan mula menjalankan peranannya dengan melatih konstebal-konstebal polis pada tahun 1981.

Pada ketika ini PULAPAH telahpun melahirkan hampir lebih kurang 15,000 graduan polis yang terdiri daripada lelaki dan wanita. Selain daripada memainkan peranannya melatih kursus asas konstebal, PULAPAH juga diberikan tanggungjawab untuk memberikan , kursus-kursus didalam perkhidmatan seperti kursus peningkatan Etika PDRM , latihan asas kepolisan kepada pegawai-pegawai keselamatan daripada sektor swasta seperti Bank Simpanan Nasional, Lembaga Pelabuhan Johor, disamping kursus-kursus jangka pendek kepada Sekolah-Sekolah diseluruh Negeri Sembilan.

## 2. PENDAHULUAN.

Pusat Latihan Polis, Ayer Hitam (PULAPAH), Negeri Sembilan memikul tanggungjawab yang berat untuk memberi latihan yang tersusun dan berkesan kepada pelatih-pelatih Konstabel supaya mereka menjadi anggota yang berwibawa seperti yang dikehendaki oleh PDRM apabila tamat latihan kelak. Selain itu PULAPAH juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan kepada pelatih-pelatih seperti kesihatan, khairat kematian melalui Kelab Polis PULAPAH dan perkhidmatan dobi melalui kontraktor yang telah berjaya mendapat tender tersebut.

## 3. TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini ialah untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan dobi yang ada sekarang samada ianya memuaskan atau sebaliknya kepada pelatih-pelatih konstebal di Pusat Latihan ini.

## 4. OBJEKTIF

Didalam menyediakan kertas projek ini, kami berhasrat untuk mengemukakan seberapa banyak fakta dalaman dan luaran yang boleh memberikan penilaian keatas keberkesanan perkhidmatan dobi serta memberikan berberapa cadangan.